

NO SEBUTHARGA : MDTJP1/2026



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN 4 BUAH KENDERAAN**

Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah, Perak.

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan dan perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	No. Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	Pickup Isuzu Dmax	AHX 9500	1	2,000.00
2	Kereta Sedan, Proton Persona	AHT 4664	1	3,000.00
3	Kompaktor Isuzu Ridgid Sampah	WJT 7167	1	4,000.00
4	Pickup Isuzu Single Cab	ACL 7831	1	1,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 7 Mei 2026 di antara jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang di Stor Kenderaan Majlis Daerah Tapah.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No Sebutharga MDTJP01/2026 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :
- Unit Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah, Perak.**
5. Tarikh tutup sebutharga pada 12 Mei 2026 jam 12 tengah hari. Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.


.....
AZMI BIN ABD AZIZ
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tapah

06 MAY 2026

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama (Kementerian atau Jabatan).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is- where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan .



BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu / Syarikat :

No Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

.....

.....

Kepada

Majlis Daerah Tapah ,
Jalan Stesyen ,
35000 Tapah,

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga No MDTJP01/2026

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut :-

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1.	Pickup Isuzu Dmax	AHX 9500		
2.	Kereta Sedan, Proton Persona	AHT 4664		
3.	Kompaktor Isuzu Ridgid Sampah	WJT 7167		
4.	Pickup Isuzu Single Cab	ACL 7831		
JUMLAH				

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia : _____) Dalam bentuk Wang Pos / Draf Bank No _____ atas nama **MAJLIS DAERAH TAPAH**.

4. Saya / Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan. Sekian. Terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

No Telefon :

Cap Syarikat :

(Nota : Sila kepilkan salinan sijil yang berkaitan cth : kad pengenalan, pendaftaran syarikat, lesen barang lusuh, serta salinan penyata bank dan lain lain jika perlu)